

KONFLIK DAN KEMELUT BAHASA: RANCANGAN "PROGRAM REALITI" DI MALAYSIA

Noriza Daud

Pengenalan

"Takkan Melayu hilang di dunia". Itulah antara ungkapan yang cukup memberi gambaran betapa pentingnya konsep Melayu daripada kaca mata penuturnya. Identiti Melayu merupakan satu konsep yang meliputi bangsa, budaya, dan bahasa. Tidak mustahil budaya dan bahasa akan hilang atau mungkin terus dilupakan suatu hari nanti. Tidak mustahil juga yang tinggal hanya bangsa Melayu yang bukan sahaja mendiami alam Melayu, malah boleh berada di mana-mana.

Seperti yang dikemukakan oleh Van Ronkel dalam *Science in Netherlands East Indies*, bangsa Melayu ialah orang yang bertutur bahasa Melayu dan mendiami Semenanjung Tanah Melayu, Kepulauan Riau Lingga serta beberapa daerah di Sumatera, khususnya di Palembang (dipetik daripada Ismail Hamid, 1991:2). Sementara cakupan bangsa Melayu yang diberikan oleh Charles Robequin (1964:64) dalam *Malaya, Indonesia, Borneo, and Philippines* cukup luas, iaitu meliputi Semenanjung Tanah Melayu, Singapura, Indonesia, Filipina, serta pulau-pulau Melanesia. Dengan demikian, kelompok bangsa Melayu cukup

besar di dunia, meliputi Semenanjung Tanah Melayu dan gugusan pulau-pulau Melayu atau Nusantara.

Konteks Melayu dari segi pentakrifan sosiobudaya cukup luas, namun dari segi undang-undang agak sempit, iaitu meliputi penduduk Malaysia sahaja seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia, Fasal 160. Melayu didefinisikan sebagai seseorang yang menganut agama Islam, bertutur dalam bahasa Melayu, dan mengamalkan adat istiadat Melayu. Dalam hal ini, kedua-dua faktor, iaitu bahasa dan budaya penting dalam menentukan status bangsa Melayu. Namun, yang menjadi persoalan kini adakah hanya lambang Melayu yang tidak akan hilang?

Sementara bahasa sebagai satu cabang kebudayaan manusia sudah tentu mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Sejarah sesuatu bahasa menerangkan asal usul kelahiran bahasa dan perkembangan penulisannya. Penulisan tertua dalam sejarah bahasa-bahasa ialah bahasa Mesir Kuno dan bahasa Cina, iaitu kira-kira lima ribu tahun yang silam (C.A. Mees, 1967:1). Secara ringkasnya, bahasa Melayu berasal daripada bahasa Austronesia yang juga dikenali sebagai bahasa Malayo-Polinesia. Rumpun bahasa-bahasa Austronesia terbahagi kepada tiga kelompok yang utama, iaitu Nusantara (Malaysia, Indonesia, Filipina, dan Madagaskar), Melanesia (Irian, Karolina, dan Salmon), dan Polinesia (Maori, Hawaii dan lain-lain).

Justeru, perbincangan ini diteliti berdasarkan beberapa fenomena yang seolah-olah cuba 'melenyapkan' konsep Melayu. Perbincangan difokuskan kepada satu aspek yang meninggalkan pengaruh besar ke arah pembentukan budaya kebangsaan, iaitu pengaruh media elektronik yang dikhususkan kepada televisyen. Penulis hanya melihat satu fenomena yang semakin mengancam kedudukan bahasa Melayu dewasa ini, iaitu melalui kemunculan rancangan bercorak realiti.

Senario Reality Show - Program Adaptasi

Antara fenomena yang tidak dapat dinafikan dewasa ini ialah kebanjiran program yang bercorak realiti di kaca televisyen (TV) tempatan. Jika diperhatikan juga, kebanyakan rancangan realiti ini diadaptasi daripada rancangan realiti di Barat. Persoalannya, adakah Malaysia begitu kekurangan dan ketandusan idea hingga ada pihak yang bertindak meniru secara berhemah? Mungkin kerana terlalu berhemah juga hinggakan kita meniru dari semua aspek, baik dari segi tajuk dan konsep rancangan, kriteria peserta, bahasa perantaraan yang digunakan, bahkan meliputi keseluruhan aspek.

Antara program realiti yang diilhamkan atau divedok daripada rancangan yang dipertontonkan di Barat adalah seperti yang berikut:

Jadual 1: Program Realiti TV yang Diadaptasi dari Barat

Program Realiti Barat	Program Realiti Malaysia
<i>Amazing Race</i>	<i>Explorace</i>
<i>America's Next Top Model</i>	<i>Malaysia's Most Beautiful</i>
<i>American Idol</i>	<i>Malaysian Idol</i>
<i>Average Joe</i>	<i>Mencari Cinta</i>
<i>Changing Rooms</i>	<i>Jom Tukar / Casa Impian</i>
<i>Extreme Make Over</i>	<i>Felisa Beauty Make- Over</i>
<i>Fear Factor</i>	<i>Fear Factor Malaysia</i>
<i>La Academia</i>	<i>Akademi Fantasia</i>
<i>The Apprentice</i>	<i>Aspirasiku / Malaysian Top Host</i>

Sebenarnya isu program realiti TV ini memang sedang hangat diperkatakan serta mendapat kritikan hebat melalui saluran media massa dan media elektronik. Isu yang dikatakan menghantui masyarakat kita pada hari ini ternyata amat membimbangkan semua pihak. Isu ini juga turut mendapat perhatian serius daripada Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak yang pernah menegur stesen TV supaya tidak terlalu ghairah dengan kepentingan komersial semata-mata.¹ Menurut beliau lagi, soal etika dan nilai moral rakyat juga perlu dititikberatkan. Hal ini kerana TV dianggap sebagai medium informasi yang begitu hampir dengan masyarakat dan boleh memberi pengaruh yang besar terhadap masyarakat setempat.

Program Realiti Menguji Mentaliti, Kreativiti, Fizikal, dan Emosi

Antara program realiti TV yang pernah dan masih disiarkan adalah seperti yang berikut:

Jadual 2: Senarai Program Realiti TV

Program Realiti TV	Saluran TV
<i>Akademi Fantasia</i>	<i>ASTRO/NTV7</i>
<i>Aspirasi Ku</i>	<i>TV3</i>
<i>Audition</i>	<i>NTV7</i>
<i>Bersama Mu</i>	<i>TV3</i>
<i>Bintang RTM</i>	<i>TV2</i>
<i>Casa Impian</i>	<i>ASTRO/NTV7</i>
<i>Explorace</i>	<i>TV3</i>
<i>Fear Factor Malaysia</i>	<i>NTV7</i>
<i>Felisa Beauty Make-Over</i>	<i>TV3</i>
<i>Jom Tukar</i>	<i>TV2</i>
<i>Kick-Start</i>	<i>TV3</i>
<i>Malaysia's Most Beautiful</i>	<i>TV3</i>
<i>Malaysian Idol</i>	<i>8TV/TV3</i>
<i>Malaysian Top Host</i>	<i>TV3</i>
<i>Mencari Cinta</i>	<i>TV3</i>
<i>Mentor</i>	<i>TV3</i>
<i>Who Will Win</i>	<i>NTV7</i>

Secara kasar, program-program berikut dapat dipecahkan kepada beberapa kriteria, iaitu:

- i) Pencarian bakat baru
- ii) Cabaran aktiviti fizikal dan mental
- iii) Paparan realiti kehidupan
- iv) Paparan hasil kreativiti

Jadual 3: Klasifikasi Program Realiti TV

Pencarian bakat baru	Cabaran aktiviti fizikal dan mental	Paparan realiti kehidupan	Paparan hasil kreativiti
Akademi Fantasia	Explorace	Bersama Mu	Jom Tukar
Aspirasi Ku	Fear Factor Malaysia	Mencari Cinta	Casa Impian
Audition			
Bintang RTM			
Felisa Beauty Make - Over			
Kick - Start			
Malaysia's Most Beautiful			
Malaysian Idol			
Malaysian Top Host			
Mentor			
Who Will Win			

Kebanyakan daripada program realiti yang dipaparkan pada hari ini menguji daya mentaliti, kreativiti, ketahanan fizikal, dan emosi para peserta. Jika diperhatikan dari segi nama rancangan ternyata begitu mirip dengan rancangan yang disiarkan di Barat. Daripada senarai program realiti tersebut, dapat diperhatikan bahawa lebih separuh daripadanya menggunakan tajuk dalam bahasa Inggeris. Timbul persoalan sekiranya nama rancangan ini menggunakan bahasa Melayu adakah rancangan ini tidak mampu menarik minat penonton di Malaysia, walhal majoriti masyarakat di Malaysia fasih dan tahu berbahasa Melayu? Tidak hairan juga orang bukan Melayu pun begitu fasih berbahasa Melayu. Adakah rancangan yang turut bermotifkan keuntungan melalui pancingan undi, iaitu dengan menggunakan khidmat pesanan ringkas (sms) seperti Malaysian Idol, Audition, dan Malaysia's Most Beautiful ini tidak mendapat respons daripada khalayak sekiranya disiarkan dalam bahasa

Melayu? Itulah antara persoalan yang perlu disedari dan diberi perhatian sewajarnya oleh pihak penganjur.

Jika nama rancangan sudah mencerminkan kebaratan, maka tidak hairanlah jika bahasa perantaraan juga lebih bias kepada penggunaan bahasa Inggeris. Memang tidak dinafikan ada sesetengah rancangan seperti *Mentor* dan *Malaysian Idol* yang menggunakan dwi bahasa, iaitu Melayu dan Inggeris, namun kecenderungan menggunakan bahasa Inggeris ternyata lebih ketara.

Daripada program realiti yang telah didominasi oleh TV3, pemilihan para peserta dibuat berlandaskan beberapa kriteria yang tertentu. Antara kelayakan yang menjadi syarat utama adalah dari segi kebolehan bertutur dalam bahasa Inggeris. Realiti ini menunjukkan bahawa peserta yang mahir berbahasa Inggeris mempunyai 'bonus' yang lebih tinggi. Justeru, tidak mustahil sekiranya program seumpama ini hanya memberi peluang dan ruang kepada mereka yang memiliki kelayakan ini. Bagaimanakah pula dengan mereka yang tidak mempunyai aset ini? Sudah tentu golongan ini tidak berpeluang muncul di kaca televisyen walaupun pada hakikatnya mereka berbakat.

Bahasa Komunikasi dan Paparan Budaya

Program realiti yang berkonsepkan pertandingan melibatkan empat pihak, iaitu pengacara, panel juri, peserta, dan juga penonton sama ada penonton di studio atau di rumah. Pengacara memainkan peranan mengendalikan acara daripada mula hingga akhir rancangan, juga bertindak sebagai orang perantaraan antara peserta, panel juri, dan penonton. Sementara para peserta pula mempunyai hubungan yang erat dengan panel juri yang mengadili serta memberi komen kepada mereka. Selain itu juga, para peserta turut mempunyai hubungan tidak langsung dengan para penonton yang menilai dan memilih peserta kesukaan

mereka. Kesemua hubungan yang terjalin ini disalurkan melalui medium komunikasi, iaitu komunikasi lisan dan tulisan yang menggunakan bahasa sebagai alat untuk tujuan ini.

Justeru, pentingnya penonjolan bahasa yang mencerminkan masyarakat penuturnya sebagai masyarakat Malaysia. Dalam konteks ini, Malaysia hanya mempunyai satu sahaja bahasa rasmi yang seharusnya bertindak sebagai bahasa komunikasi dan juga bahasa perantaraan. Namun, apa yang berlaku tidak seperti yang diharapkan. Pihak penganjur nampaknya lebih cenderung memilih bahasa Inggeris sebagai bahasa perantaraan. Apa pula sebabnya tidak dinyatakan secara jelas. Namun, apa yang pasti, penyertaan ini hanya dikhususkan kepada warganegara Malaysia.

Dari segi penonjolan aspek budaya pula, ternyata jauh terpesong daripada tuntutan agama. Sebenarnya konteks budaya ini begitu luas, mencakupi keseluruhan cara hidup, namun difokuskan kepada aspek-aspek yang tertentu sahaja. Antaranya dari segi tingkah laku, penampilan diri, dan etika berpakaian. Tingkah laku yang dimaksudkan di sini ialah perbuatan yang menjurus kepada penonjolan yang dianggap kurang sopan dan aksi melampau seperti terloncat-loncat, menjerit, dan melolong yang keterlaluan. Penampilan diri pula kadangkala boleh menimbulkan keraguan dari segi jantina dan juga agama. Timbul kekeliruan sama ada mereka lelaki atau perempuan, beragama Islam atau sebaliknya. Dengan rambut yang diwarnakan sesuai dengan fesyen terkini, memakai subang bagi lelaki, berambut panjang, dan memakai perhiasan-perhiasan diri yang tidak sepatutnya.

Cara berpakaian pula ternyata lebih bergaya dan terkini dari Barat. Bagi yang perempuan memakai pakaian yang terlalu seksi, seluar yang sengaja dikoyakkan dan pelbagai imej cuba ditunjukkan melalui cara berpakaian ini, contohnya imej rock. Adakah ini budaya masyarakat timur yang dilabelkan sebagai masyarakat yang berbudi pekerti, bersopan-

santun, dan penuh dengan adab tertib? Pemaparan budaya yang dikenali sebagai hedonisme ini bukanlah budaya timur, tetapi pengaruh daripada luar, khususnya Barat yang sememangnya mengamalkan dasar sekularisme.

Sekiranya dua perkara penting yang melambangkan jati diri Melayu, iaitu bahasa dan budaya ditonjolkan sedemikian rupa, adakah ini yang boleh dibanggakan dengan bangsa Melayu? Sudah tentu bangsa Melayu tidak akan 'pupus' selagi mereka masih mendiami alam ini, namun tidak mustahil budaya dan bahasa Melayu akan lenyap suatu hari nanti.

Kita juga sering mendengar jangkaan atau ramalan negara menjelang 2020 nanti. Namun, adakah kita dapat menjangkakan apa yang bakal terjadi kepada masyarakat Melayu khususnya dalam masa terdekat ini? Adakah kemodenan negara yang mengharungi arus globalisasi menuntut masyarakat agar meninggalkan identiti Melayu yang penting ini? Sudah tentu masyarakat perlu berubah menjadi masyarakat yang cemerlang, gemilang, dan terbilang tanpa meminggirkan identiti sendiri.

Sebagai lambang bangsa Melayu, seseorang itu mestilah berbudaya dan berbahasa Melayu. Dalam hal ini, menjadi peranan masyarakat Melayu khususnya dan masyarakat Malaysia umumnya memikul tanggungjawab mengekalkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, bahasa kebangsaan, dan juga bahasa perantaraan negara. Jika negara terus membangun, tidak bermakna kita tidak boleh menoleh ke belakang untuk meninjau atau mengimbas kembali peranan yang pernah dimainkan oleh individu-individu tertentu dalam memartabatkan bahasa Melayu.

Marilah kita lihat senario yang terpampang depan mata kita sendiri. Ada pihak yang bermati-matian menegakkan jati diri bangsa melalui pelestarian bahasa ibunda. Namun, ada pula pihak yang sewenang-wenangnya cuba meminggirkan bahasa ibunda dengan tanggapan bahasa Melayu tidak mempunyai nilai komersial. Siapakah yang perlu

dipertanggungjawab dalam soal ini? Adakah Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP) sebagai badan yang bertindak memantau penggunaan bahasa tidak menjalankan tugas seperti yang diamanahkan? Atau DBP sendiri tidak mampu bertindak seperti yang diarahkan memandangkan ada pihak tertentu yang lebih berkuasa mula menunjukkan taring masing-masing.

Realiti ini perlu disedari oleh semua pihak kerana apa yang ketara dan menghairankan ialah saban hari semakin banyak rancangan seumpama ini ditayangkan di TV. Boleh dikatakan separuh daripadanya bercorak hiburan. Sebenarnya rancangan seperti ini lebih bercorak kepada aksi dan tidak banyak melibatkan kreativiti minda. Baru-baru ini pula nampaknya rancangan seperti ini mula menular ke saluran radio. Contohnya telah diadakan Pertandingan Realiti Radio DJ Impian RTM. Rancangan realiti radio ini juga nampaknya mengamalkan konsep yang sama, iaitu pemenangnya dipilih berdasarkan undian sms. Antara stesen radio yang terlibat ialah Nasional FM, Traxx FM, AI FM, dan Minnal FM. Kesemuanya merupakan saluran radio RTM.

Dalam keghairahan meniru konsep-konsep tertentu dari Barat, tidak dinafikan ada rancangan realiti yang berkonsepkan rancangan Barat masih mengekalkan bahasa rasmi negara sebagai judulnya. Antaranya ialah Mencari Cinta yang mencedok program Average Joe yang popular di stesen NBC, Amerika Syarikat, Jom Tukar yang mengadaptasi program Changing Rooms yang ditayangkan di stesen BBC, dan Akademi Fantasia yang diadaptasi secara berlesen daripada rancangan La Academia yang popular di TV Azteca, Mexico. Sekurang-kurangnya inisiatif ini menunjukkan bahawa masih terdapat kesedaran sesetengah pihak akan kepentingan bahasa sendiri. Kita perlu mengimbas kembali kata-kata yang pernah dilontarkan oleh Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein sempena program Kembara Bahasa 2005 yang menyatakan bahawa kita hanya ada satu bahasa sahaja, iaitu bahasa Melayu atau lebih tepat lagi bahasa Melayu Malaysia. Inilah sebenarnya realiti yang perlu disedari.

Kebanjiran program realiti yang bercorak hiburan semata-mata ini boleh memudaratkan budaya Melayu yang kian dilupakan, terutamanya budaya timur. Seharusnya program seumpama ini memaparkan senario atau situasi sebenar kehidupan seperti program Bersama Mu yang disiarkan di TV3. Bukannya program realiti yang lebih kepada hiburan kosong semata-mata dan hanya sebuah lakonan pentas. Keunggulan bahasa Melayu perlu dikekalkan kerana bahasa ini merupakan bahasa penyatuan dan asas perpaduan masyarakat majmuk di Malaysia seperti yang terkandung dalam Penyata Razak.

Selain itu, usaha untuk mengekalkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, bahasa kebangsaan (Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu), dan bahasa pengantar (Akta Pelajaran 1961 berasaskan Penyata Razak 1956) terpikul atas bahu semua masyarakat. Cara yang terbaik untuk mencapai matlamat ini adalah dengan mengutamakan bahasa Melayu melalui penggunaannya. Negara kita pernah dijajah suatu ketika dahulu dan jangan sesekali biarkan minda kita pula yang dijajah pada hari ini.

Sebenarnya, banyak gejala yang menunjukkan pendominasian bahasa Inggeris dewasa ini. Contohnya rangkaian iklan-iklan yang disiarkan di televisyen mahupun iklan-iklan dan papan tanda yang terpampang di sekeliling kita. Kita melihat Buletin Utama melalui saluran TV3 yang menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya semasa proses penyiaran, namun banyak sedutan-sedutan hasil temu ramah dengan individu-individu tertentu yang ketara menggunakan bahasa Inggeris. Kita tidak lihat lagi fenomena-fenomena lain serta senario komunikasi dalam sektor kerajaan mahupun swasta yang lebih suka menggunakan bahasa Inggeris.

Apa salahnya menggunakan bahasa Inggeris, sedangkan bahasa ini merupakan bahasa antarabangsa dan juga bahasa utama dunia? Itulah jawapan dan juga soalan yang mungkin diajukan balik kepada pihak-pihak yang mempertikaikan kepentingan bahasa Inggeris. Namun, adakah

pernah terdetik di hati mereka, apa pula kesalahan bahasa Melayu hingga perlu dipinggirkan di tanah air sendiri? Adakah mereka ada jawapannya bagi persoalan yang mungkin tidak pernah dijangkakan ini?

Dewasa ini menunjukkan kesedaran TV3 akan keperluan memperkasakan bahasa Melayu. Contohnya menukar program karnival SureHeboh kepada karnival Jomheboh. Dalam hal ini, negeri Melaka telah diberi penghormatan untuk menggunakan nama baru karnival Jomheboh sempena Melaka negeri bersejarah dan pencetus kegemilangan tamadun Melayu. Nama ini pertama kali digunakan setelah sekian lama memilih nama baru yang tepat dan betul maksudnya dalam bahasa Melayu, sempena menyahut seruan kerajaan bagi memperkasakan bahasa Melayu. Kenyataan ini seperti yang dilaporkan oleh Pengerusi Media Prima Berhad, Datuk Abdul Mutalib Mohd. Razak. Nama baru ini telah dirasmikan di Nilai Tiga, Negeri Sembilan pada 19 Mac 2006.

Usaha baik ini menunjukkan pihak pengurusan TV yang mula akur dengan seruan kerajaan. Namun demikian, dalam masa yang sama masih lagi menggunakan bahasa Inggeris bagi kemunculan program baru. Tentu sahaja senario ini amat mengelirukan dan mungkin ada sesuatu yang tidak kena dengan sikap pihak pengurusan. Adakah setelah ditegur baru tersedar, seperti kata pepatah, 'sudah terhantuk baru tengadah'? Namun, inilah realitinya.

Terbaru ialah satu lagi rancangan realiti yang masih mengekalkan konsep pencarian bakat baru yang bercorak hiburan, iaitu One In A Million yang ditayangkan di saluran 8TV bermula 25 Mei 2006. Kemunculan program ini merupakan platform untuk mencari peserta yang berkemahiran bermain alat muzik dan menyanyi, iaitu sebagai penyanyi rakaman. Program ini turut dibuka kepada artis rakaman tempatan. Begitu juga rancangan terbaru ke arah mencari bakat baru dalam bidang sukan, iaitu program My Team yang ditayangkan di saluran TV3, setiap Selasa jam 10.00 malam. Program selama satu jam ini

ditayangkan pada 21 Mac dan berakhir pada 28 Mei 2006. Persoalannya, mengapa program ini menggunakan judul dalam bahasa Inggeris sedangkan tiada sebarang kesalahan sekiranya menggunakan bahasa ibunda? Malah, bahasa Melayu juga mampu mengungkapkan keunikan bahasanya yang tersendiri.

Jika keadaan ini berterusan, tidak mustahil tiada lagi rancangan yang menggunakan tajuk dalam bahasa Melayu, walhal kita bukan mencari bakat di kalangan rakyat asing, tetapi rakyat Malaysia sendiri. Walaupun Malaysia terdiri daripada masyarakat majmuk, namun masing-masing berupaya menggunakan bahasa Melayu selaras dengan peranannya sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Mengapa perlu menggunakan bahasa asing sekiranya bahasa sendiri tidak ada cacat celanya?

Sikap Masyarakat Penutur

Fenomena yang dikatakan semakin meruncing ini tidak lain dan tidak bukan berpunca daripada sikap masyarakat itu sendiri. Pada akhir abad ke-19 dan menjelang abad yang ke-20, timbul kesedaran di kalangan bangsa Melayu yang melihat kedudukan bahasa Melayu kian diremehkan. Dengan ini timbul suara pejuang bahasa yang disalurkan melalui hasil tulisan akhbar. Antaranya melalui Jajahan Melayu, Utusan Melayu, dan Neraca. Berikutnya dipetik suara bangsa Melayu yang disalurkan melalui Neraca yang berbunyi:

"Tiada hendak menggunakan huruf Melayu itu di dalam bahasa Melayu seperti surat-surat khabar dan lain-lainnya ialah daripada jalan hendak membunuh huruf Melayu itu, iaitu kerugian yang besar bagi kita dan memberi faedah yang besar

bagi wilayah kepulauan Melayu serta di kalangan pedagang dan pengembara dari Eropah, India, dan China. Justeru, tidak mustahil bagi negara yang sudah bebas daripada kongkongan penjajah mengembalikan peranan ini.

Pemeriksaan dan Pengantarabangsaaan Bahasa Melayu

Keperluan memperkasa serta mengantarabangsakan bahasa Melayu perlu dimantapkan dalam segenap lapangan dan di semua peringkat. Dalam hal ini tidak ada pihak yang terkecuali. Berikutnya hanyalah antara cadangan yang mungkin dirasakan boleh dilakukan bagi merealisasikan matlamat ini. Antaranya ialah:

1. Menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa perantara di konvensyen dunia sekali gus menonjolkan jati diri bangsa Melayu
2. Mewujudkan konsolidasi melalui kerjasama bahasa serantau seperti yang dilakukan oleh Malaysia dengan China
3. Mungkin satu usaha yang drastik, iaitu keperluan berbahasa Melayu di kalangan pelajar-pelajar asing yang belajar di Malaysia, bukannya kakitangan pengajar yang perlu fasih berbahasa asing
4. Mengadakan konferensi dengan negara-negara ASEAN mahupun dengan negara serumpun lainnya ke arah membahaskan isu kepentingan bahasa
5. Mengukuhkan serta menambah Pusat Pengajian Bahasa di institusi-institusi pengajian tinggi luar negara seperti yang dilakukan di Universiti Leiden, Belanda dan Universiti Yale dan Cornell di Amerika Syarikat
6. Mendorong kedutaan-kedutaan Malaysia agar melihat ruang yang

boleh diisi di luar negara bagi menyebarkan penggunaan bahasa Melayu, khususnya dalam bidang ilmu pengetahuan

Namun, keperluan utama yang mesti dijalankan bagi mencapai hasrat ini ialah pemantauan penggunaan bahasa di kalangan masyarakat setempat itu sendiri. Yang alpa harus diingatkan dan yang salah harus diperbetulkan. Jika bangsa Melayu yang cuba menyingkir dan memperkotak-katikkan bahasa sendiri, apa pula yang hendak diharapkan daripada bangsa lain. Marilah kita renung kembali amanat Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika melancarkan Kembara Merdeka, Jalur Gemilang pada 31 Julai 2004 yang berbunyi:

"Kita hendaklah memperkukuhkan lagi tekad dan azam bagi menghadapi segala cabaran dengan berani dan gigih. Kita juga mesti mempunyai semangat kenegaraan dan jati diri yang tinggi untuk meningkatkan martabat negara di persada antarabangsa."

Kesimpulan

Mencari jalan ke arah memperkasa serta mengantarabangsakan bahasa Melayu sebenarnya boleh dicapai sekiranya semua pihak tidak hanya pandai menuding jari sesama sendiri. Usaha ini juga tidak mustahil untuk dilaksanakan jika tidak berpegang kepada konsep 'omong-omong kosong di kedai kopi'. Walau bagaimanapun, mendisiplinkan diri sendiri terlebih dahulu lebih penting sebelum mencari kesalahan pihak lain. Dalam hal ini, stesen televisyen tidak pernah bersalah, yang bersalah ialah mereka yang mengorganisasikannya.

Nota

1 *Berita Harian*, Khamis 4 Ogos 2005, m.s. 10.

Rujukan

- Geertz, C., 1973. *The Interpretation of Cultures*. New York: Basic Book.
- Giles, H. & Clair, R., 1979. *Language and Social Psychology*. Oxford: Blackwell.
- Hall, 'J' Bradford, 2002. *Among Cultures: The Challenge of Communication*. Orlando: Harcourt College Publishers.
- Ismail Hamid, 1991. *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kluckhohn, C., & Kelly, W. H., 1945. *The Concept of Culture*. New York: Columbia University Press.
- Mees, C. A., 1967. *Ilmu Perbandingan Bahasa-bahasa Austronesia*. Kuala Lumpur: Malay Press.
- Nik Safiah Karim, 1988. *Sosiolinguistik Bahasa Melayu dan Pengajaran*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- _____, 2000. *Bahasa Melayu dalam Dekad 90-an*. Akademi Pengajian Melayu: Universiti Malaya.
- Robequin, Charles, 1964. *Malaya, Indonesia, Borneo, and Philippines*. London: Longmans.
- Salzmann, Zdenek, 1998. *Language, Culture & Society: An Introduction to Linguistic Anthropology*. Colorado: Westview Press.
- Sanat Md. Nasir dan Rogayah A. Razak (ed.), 1998. *Pengajian Bahasa Melayu Memasuki Alaf Baru*. Akademi Pengajian Melayu: Universiti Malaya.

- Wan Abdul Kadir Wan Yusof (Peny.), 1996. *100 Tahun Za'ba. Za'ba: Pejuang Bangsa*. Akademi Pengajian Melayu: Universiti Malaya.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusof, 2002. *Tradisi dan Perubahan Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Ilmu.
- _____, 2002. *Budaya Bandaran: Perubahan Budaya Populer Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Ilmu.
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba), 1965. *Pelita Bahasa Melayu Penggal 1* (Edisi Kelima). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.